

07/10/1997

Usah terpengaruh dengan hasutan

MELAKA, Isnin - Badan Perhubungan Umno Melaka menyokong penuh ketegasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak melayan saranan media asing supaya beliau meletak jawatan Perdana Menteri berikutan krisis mata wang sekarang.

Ketua Penerangan Umno Melaka, Datuk Nasir Manap, berkata gandingan mantap Dr Mahathir dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam mengukuhkan kestabilan negara serta boleh menangani masalah yang ditimbulkan pihak tertentu.

Katanya, ketegasan Dr Mahathir tidak melayan saranan media asing itu perlu dimantapkan lagi dengan semua rakyat bersatu padu serta bertekad tidak terpengaruh dengan hasutan mereka bagi mengkotak-katikkan negara ini.

"Ini untuk memastikan hasrat media asing menggugat kestabilan negara tidak berhasil dan sebarang rancangan jahat tidak tercapai," katanya ketika melawat Perigi Hang Tuah di Duyong di sini, hari ini.

Nasir, yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka, berkata media asing sengaja menimbulkan saranan supaya Dr Mahathir meletakkan jawatan disebabkan kelantangan Perdana Menteri mengemukakan cadangan seperti perniagaan wang diharamkan, piawaian baru menggantikan dolar Amerika Syarikat dan mewujudkan dana khas bagi membantu negara Asia.

(END)